

1. Sistem Gred, Mata Nilai Dan Purata Nilai Gred (PNG)

Keputusan akhir semua mata pelajaran pengkhususan dinyatakan dalam bentuk gred seperti dalam **Jadual 1**. Gred C merupakan gred lulus minimum manakala gred C– sehingga F adalah gagal.

Jadual 1

GRED	MATA NILAIAN	TARAF
A	4.00	Cemerlang
A–	3.67	
B+	3.33	
B	3.00	Kepujian
B–	2.67	
C+	2.33	Lulus
C	2.00	
C–	1.67	Gagal
D+	1.33	
D	1.00	
F	0.00	

Gred keputusan mata pelajaran wajib (Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam / Moral, Kemahiran Dinamika dan Kokurikulum) dinyatakan seperti dalam **Jadual 2**.

Jadual 2

GRED	TARAF
A	Cemerlang
B	Kepujian
C	Baik
D	Memuaskan
F	Gagal

PNGS dan PNGK dikira berdasarkan gred yang diperoleh daripada semua mata pelajaran pengkhususan. Gred yang diperoleh diberikan mata nilai seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** dan PNGS dan PNGK dikira mengikut kaedah berikut:

$$Mata = \text{Unit kredit mata pelajaran} \times \text{mata nilai}$$

$$PNGS = \frac{\text{Jumlah mata}}{\text{Jumlah unit kredit bagi semester berkenaan}}$$

$$PNGK = \frac{\text{Jumlah mata keseluruhan}}{\text{Jumlah unit kredit keseluruhan}}$$

Contoh pengiraan PNGS dan PNGK

Kes 1

Keputusan PSPM I

KOD MATA PELAJARAN	GRED	MATA NILAIAN	UNIT KREDIT	MATA (mata nilai × unit kredit)
QS015	A	4.00	5	20.00
SK016	C+	2.33	6	13.98
SB016	B+	3.33	6	19.98
SF016	B	3.00	6	18.00
JUMLAH			23	71.96

$$\text{PNGS1} = \frac{71.96}{23} = 3.13$$

$$\text{PNGK} = 3.13$$

STATUS: Rujuk Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian di **Lampiran A**.

Keputusan PSPM II

KOD MATA PELAJARAN	GRED	MATA NILAIAN	UNIT KREDIT	MATA (mata nilai × unit kredit)
QS025	A–	3.67	5	18.35
SK026	B	3.00	6	18.00
SB026	C	2.00	6	12.00
SF026	B+	3.33	6	19.98
JUMLAH			23	68.33

$$\text{PNGS2} = \frac{68.33}{23} = 2.97$$

$$\text{PNGK} = \frac{(71.96 + 68.33)}{(23 + 23)} = 3.05$$

STATUS: Rujuk Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian di **Lampiran A**.

Kes 2:

Keputusan PSPM I

KOD MATA PELAJARAN	GRED	MATA NILAIAN	UNIT KREDIT	MATA (mata nilai × unit kredit)
QS015	B–	2.67	5	13.35
SK016	C–	1.67	6	10.02
SF016	D+	1.33	6	7.98
SC015	C–	1.67	5	8.35
JUMLAH			22	39.70

$$\text{PNGS1} = \frac{39.70}{22} = 1.80$$

$$\text{PNGK} = 1.80$$

STATUS: Rujuk Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian di **Lampiran A**.

Keputusan PSPM II PDT

**PNGK pelajar ini semasa PSPM I < 2.00, maka pelajar ini telah meneruskan pengajian ke program PDT.*

KOD MATA PELAJARAN	GRED	MATA NILAIAN	UNIT KREDIT	MATA (mata nilai × unit kredit)
DM025	A	4.00	5	20.00
DK025	C+	2.33	5	11.65
DF025	B+	3.33	5	16.65
DC025	B	3.00	5	15.00
JUMLAH			20	63.30

$$\text{PNGS2} = \frac{63.30}{20} = 2.97$$

$$\text{PNGK} = \frac{(39.70 + 63.30)}{(22 + 20)} = 2.45$$

STATUS: Rujuk Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian di **Lampiran A**.

Kes 3:**Keputusan Semester I**

KOD MATA PELAJARAN	GRED	MATA NILAIAN	UNIT KREDIT	MATA (mata nilai × unit kredit)
QS015	C–	1.67	5	8.35
SK016	D+	1.33	6	7.98
SB016	C–	1.67	6	10.02
SC015	F	0.00	5	0.00
JUMLAH			22	26.35

$$\text{PNGS1} = \frac{26.35}{22} = 1.20$$

$$\text{PNGK} = 1.20$$

STATUS: Rujuk Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian di **Lampiran A**.

Keputusan Semester II PDT

**PNGK pelajar ini semasa PSPM I < 2.00, maka pelajar ini telah meneruskan pengajian ke program PDT.*

KOD MATA PELAJARAN	GRED	MATA NILAIAN	UNIT KREDIT	MATA (mata nilai × unit kredit)
DM025	C	2.00	5	10.00
DK025	C	2.00	5	10.00
DB025	F	0.00	5	0.00
DC025	C	2.00	5	10.00
JUMLAH			20	30.00

$$\text{PNGS2} = \frac{30.00}{20} = 1.50$$

$$\text{PNGK} = \frac{(26.35 + 30.00)}{(22 + 20)} = 1.34$$

STATUS: Rujuk Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian di **Lampiran A**.

2. SYARAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Memenuhi peraturan kehadiran kuliah, tutoran dan amali / bengkel termasuk menyempurnakan semua tugas yang ditetapkan sepanjang pengajian.

3. PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

Pencapaian akademik pelajar bagi setiap semester adalah berdasarkan PNGS dan PNGK yang diperolehi. Rujuk Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian di **Lampiran A**.

- i) Pelajar perlu mendapatkan $\text{PNGS1} \geq 2.00$ untuk meneruskan pengajian ke Semester II.
- ii) Pelajar diberi peluang meneruskan pengajian ke Semester II PDT jika memperoleh $\text{PNGS1} < 2.00$ bagi jurusan Sains (Modul I, Modul II dan Modul III).
- iii) Pelajar akan diberi status **gagal kali pertama dengan amaran** dan dibenarkan untuk meneruskan pengajian ke Semester II jika memperoleh $1.50 \leq \text{PNGS1} < 2.00$ bagi jurusan Perakaunan dan aliran Teknikal.
- iv) Pelajar akan diberi status **gagal** dan diberhentikan jika memperoleh $\text{PNGS1} < 1.50$ bagi jurusan Perakaunan dan aliran Teknikal.

4. PENYEMPURNAAN PENGAJIAN

Penyempurnaan pengajian mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Menyempurnakan semua mata pelajaran pengkhususan dan mata pelajaran wajib yang ditetapkan.
- ii) Memperoleh $\text{PNGK} \geq 2.00$.
- iii) Keputusan pelajar yang memperoleh $\text{PNGK} \geq 2.00$ akan disalurkan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi untuk dipertimbangkan mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama di universiti awam.

5. PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

Calon diberi peluang untuk memohon semak semula keputusan peperiksaan setelah keputusan diumumkan.

Permohonan perlu dibuat dengan mengisi borang yang disediakan oleh Bahagian Matrikulasi KPM. Permohonan adalah terhad kepada semester **semasa sahaja**.

Borang permohonan hendaklah sampai ke Bahagian Matrikulasi KPM dalam tempoh 14 hari selepas keputusan PSPM dikeluarkan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. Bayaran sebanyak RM50.00 dikenakan bagi setiap skrip jawapan yang hendak disemak. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **wang pos/bank draf** atas nama **Pengarah Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia**.

6. KEHADIRAN KELAS

Pelajar diwajibkan menghadiri kuliah, tutoran, amali/bengkel dan pembelajaran lain yang ditetapkan sepanjang pengajian.

Setiap pelajar bertanggungjawab **menepati masa** ketika menghadiri kuliah, tutoran, amali/bengkel dan pembelajaran lain yang ditetapkan sepanjang pengajian.

Kelewatan lebih daripada **sepuluh (10) minit** dari bermulanya waktu kuliah, tutoran, amali/bengkel dan kokurikulum, pelajar akan **dikira tidak hadir** bagi kuliah, tutoran, amali/bengkel dan kokurikulum berkenaan mengikut **Akta 174: Kaedah 26**.

Hanya pelajar yang sakit dan dapat mengemukakan sijil cuti sakit yang sah atau mendapat kebenaran khas atau cuti khas bertulis daripada Pengarah kolej atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Pengarah kolej dibenarkan meninggalkan kuliah, tutoran, amali/bengkel, kokurikulum dan aktiviti rasmi kolej.

Sekiranya pelajar tidak hadir, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memaklumkan seberapa segera kepada pegawai yang berkaitan mengikut **Akta 174: Kaedah 4**.

Pelajar yang kehadirannya kurang daripada 90% dalam mana-mana mata pelajaran tanpa sebab yang munasabah dan tanpa kebenaran Pengarah kolej tidak dibenarkan menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran berkenaan. Pengarah kolej mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib berdasarkan kepada **peruntukan Kaedah 48, Akta 174**. Walau bagaimanapun, apa juga keputusan yang telah diambil perlu dimaklumkan secara bertulis kepada Pengarah Bahagian Matrikulasi KPM.

Di bawah **peruntukan Kaedah 48, Akta 174**, pelajar yang tidak memenuhi peratus kehadiran yang ditetapkan boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan.

Pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan bagi semua mata pelajaran yang telah didaftar tanpa alasan yang boleh diterima oleh Bahagian Matrikulasi KPM bagi sesuatu semester akan ditamatkan pengajian dan tidak akan diterima masuk semula ke Program Matrikulasi.

7. PENIPUAN DALAM PEPERIKSAAN

Di bawah **peruntukan Kaedah 3(j) atau Kaedah 7A, Akta 174**, pelajar yang didapati bersalah melakukan penipuan dalam mana-mana peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.

Pelajar boleh diberi markah 0 bagi kertas peperiksaan berkenaan atau diberi gred F bagi mata pelajaran berkenaan. Rayuan berhubung perkara ini tidak akan dipertimbangkan.

Lampiran A

JURUSAN SAINS (MODUL I, II DAN III)		
SEMESTER	PENCAPAIAN	STATUS
Semester I	PNGS1 $\geq$ 2.00 Lulus semua atau sebilangan mata pelajaran pengkhususan.	Lulus dan meneruskan pengajian ke Semester II.
	PNGS1 $<$ 2.00	Gagal kali pertama dengan amaran dan ditawarkan untuk meneruskan pengajian ke Semester II PDT. Keputusan Semester I PST dibawa sebagai keputusan Semester I PDT.
Semester II	PNGK $\geq$ 2.00 Lulus semua atau sebilangan mata pelajaran pengkhususan.	Lulus dan dipertimbangkan untuk kemasukan ke IPTA.
	$1.50 \leq$ PNGK $<$ 2.00	Gagal dan ditawarkan untuk mengulang pengajian PST.
	PNGK $<$ 1.50	Gagal dan diberhentikan .

JURUSAN SAINS (ALIRAN TEKNIKAL)		
SEMESTER	PENCAPAIAN	STATUS
Semester I	PNGS1 $\geq$ 2.00 Lulus semua atau sebilangan mata pelajaran pengkhususan.	Lulus dan meneruskan pengajian ke Semester II.
	1.50 $\leq$ PNGS1 $<$ 2.00	Gagal kali pertama dengan amaran tetapi meneruskan pengajian ke Semester II dengan Amaran .
	PNGS1 $<$ 1.50	Gagal dan diberhentikan.
Semester II	PNGK $\geq$ 2.00 Lulus semua atau sebilangan mata pelajaran pengkhususan.	Lulus dan dipertimbangkan untuk kemasukan ke IPTA.
	1.50 $\leq$ PNGK $<$ 2.00	Gagal dan ditawarkan untuk mengulang pengajian PST.
	PNGK $<$ 1.50	Gagal dan diberhentikan.

JURUSAN PERAKAUNAN		
SEMESTER	PENCAPAIAN	STATUS
Semester I	PNGS1 $\geq$ 2.00 Lulus semua atau sebilangan mata pelajaran pengkhususan.	Lulus dan meneruskan pengajian ke Semester II.
	1.50 $\leq$ PNGS1 $<$ 2.00	Gagal kali pertama dengan amaran tetapi meneruskan pengajian ke Semester II dengan Amaran .
	PNGS1 $<$ 1.50	Gagal dan diberhentikan.